



K E M E N T E R I A N K E R J A R A Y A

KENYATAAN MEDIA

LAWATAN KERJA YB MENTERI KERJA RAYA KE PROJEK MENAIKTARAF JALAN FT209 DAN FT131 DARI PERSIMPANGAN BERTINGKAT PASIR HOR KE PANCHOR, KOTA BHARU, KELANTAN

KOTA BHARU, KELANTAN – Lawatan Kerja ke Projek Menaiktaraf Jalan FT209 Dan FT131 Dari Persimpangan Bertingkat Pasir Hor Ke Panchor, Kota Bharu, Kelantan telah disempurnakan oleh YB Dato Sri Alexander Nanta Linggi, Menteri Kerja Raya.

2. Projek ini merupakan projek naik taraf jalan FT209 dan FT131 iaitu Jalan Raja Perempuan Zainab II bermula dari Persimpangan Maybank/ Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) di Pasir Hor sehingga Persimpangan Padang Tembak/Panchor sepanjang 6.0 km. Projek ini melibatkan nilai kontrak sebanyak RM191 juta dan dijadualkan siap pada 8 September 2027, dengan kemajuan fizikal projek semasa sebanyak 71.61%.

3. Tujuan utama pembinaan projek ini adalah bagi mengurangkan kesesakan di Jalan Persekutuan FT131, memendekkan tempoh perjalanan serta menyediakan infrastruktur jalan yang lebih selamat dan selesa kepada pengguna jalan raya. Selain itu, jalan sedia ada dari Kubang Kerian ke Sabak dan seterusnya ke Pengkalan Chepa sudah berada di tahap kritikal (LOS F) dengan kesesakan setiap hari kerana faktor jalan yang sempit dimana sekolah-sekolah, pusat perdagangan dan Hospital Universiti Sains Malaysia (HUSM) berada di sepanjang jajaran jalan ini.

4. Pelaksanaan projek ini amat strategik berikutan bandar Kubang Kerian merupakan bandar kedua terbesar di Kota Bharu. Penambahan jumlah trafik yang melalui kawasan ini akan meningkat berikutan pembangunan pesat yang berlaku di kawasan sekitar. Jalan ini juga menjadi laluan utama ke pusat perindustrian di Pengkalan Chepa dan Lapangan Terbang Sultan Ismail Petra.

5. Projek ini bukan sekadar menaiktaraf fizikal jalan raya, malah mencerminkan komitmen berterusan **Kerajaan MADANI** dalam menyediakan infrastruktur yang lebih selamat, efisien dan inklusif. Ia memberi faedah langsung kepada ribuan pengguna jalan raya setiap hari, di samping menyumbang kepada peningkatan kualiti hidup dan merangsang pertumbuhan sosioekonomi setempat menerusi jaringan perhubungan yang lebih selamat, lancar dan strategik.

6. KKR dan JKR kekal komited memberi keutamaan kepada projek-projek berimpak tinggi yang memberi manfaat langsung kepada rakyat.

KEMENTERIAN KERJA RAYA

16 JULAI 2026

#KKR

#KearahKesejahteraanRakyat

#KerajaanMADANI

#MADANIBekerja

#KerajaanMADANIrakyatdisantuni